

Sukarelawan bersih Sungai Penchala

Generasi muda wajar diberi pendedahan kepentingan jaga kebersihan sumber minuman

KUALA LUMPUR: Seramai 200 orang sukarelawan mengambil bahagian dalam aktiviti bergotong-royong membersihkan Sungai Penchala, pada Program Penlestarian dan Pendidikan Sungai Penchala 2010, yang diadakan sempena sambutan Hari Sungai Sedunia 2010, semalam.

Pada program terbabit, sukarelawan yang terdiri daripada pelajar sekolah, penjawat awam, ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan penduduk setempat dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk tugas masing-masing.


Kumpulan pertama ditugaskan menanam tumbuhan perairan di dalam sungai sepanjang 12 kilometer (km) itu, kumpulan kedua melakukan pemetaan sungai untuk mengenal pasti sumber pencemaran, manakala kumpulan ketiga yang terdiri dari pelajar sekolah, dibawa ke sumber sungai terbabit di puncak Bukit Kiara untuk melakukan ujian tahap kebersihan air.

Koordinator Program, Dr K Kalithasan, berkata penduduk setempat terutama generasi



“Sungai ini juga dipilih kerana ia tercemar, iaitu kebanyakannya bahagiannya berada di antara tahap tiga dan empat”

Ahmad Husaini Sulaiman
Ketua Pengarah JPS



PESERTA membuat penerangan pada Program Penlestarian dan Pendidikan Sungai Penchala 2010 di Taman Rimba Kiara.

muda perlu diberi pendedahan mengenai kepentingan menjaga kebersihan sungai yang menjadi sumber minuman dan makanan.

“Sambutan Hari Sungai Sedunia 2010 ini adalah masa terbaik untuk mengadakan program seperti ini bagi menyedarkan masyarakat

peranan yang boleh dilaksanakan untuk menjaga kebersihan sungai,” katanya.

Program terbabit dianjurkan NGO Global Environment Center dan Malaysian Country Water Partnership (MyCWP) serta mendapat sokongan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL), dan sebuah syarikat swasta Novozymes Sdn Bhd.

Sementara itu, Ketua Pengarah JPS, Datuk Ahmad Husaini Sulaiman yang turut hadir berkata Sungai Penchala dipilih untuk program itu kerana lokasinya yang melalui kawasan sekitar Wilayah

Persekutuan dan Selangor.

“Sungai ini juga dipilih kerana ia tercemar, iaitu kebanyakannya bahagiannya berada di antara tahap tiga dan empat. Kita berharap program berterusan seperti ini akan menyumbang kepada sasaran menjadikan ia berada di tahap dua,” katanya.